



Penganjuran SAS tonjol potensi Selangor dalam aeroangkasa

Oleh **Norzamira Che Noh** - April 20, 2023 @ 11:39am
bhnews@bh.com.my



Hasan Azhari (kiri) pada sidang media penganjuran SAS 2023 di Shah Alam baru-baru ini.

SHAH ALAM: Penganjuran Pameran Penerbangan Selangor (SAS) pada dua edisi sebelum ini berjaya membuka mata pemain industri mengenai potensi yang dimiliki Selangor dalam bidang aeroangkasa.

Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Berhad, Datuk Hasan Azhari Idris, berkata kedudukan Selangor yang terletak di tengah-tengah rantau Asia menjadikannya akses strategik sebagai hab rantai bekalan global melalui pelabuhan utama, iaitu Pelabuhan Klang dan dua lapangan terbang utama.

"Selangor berjaya menjadi hab sektor aeroangkasa dengan lebih 67 peratus daripada pemain industri bertapak di negeri ini. Justeru, usaha perlu digandakan pada SAS 2023 agar peratusan ini meningkat.

"Pada penganjuran SAS tahun lalu, sejumlah RM1.069 bilion potensi nilai transaksi direkodkan dan pada tahun ini, kita jangka ia akan melepasi sasaran lebih daripada RM500 juta kerana sempadan negara sudah dibuka sepenuhnya, selain kita menjangkakan lebih banyak permintaan dalam sektor penerbangan pasca pandemik.

"Jadi, kita berharap lebih ramai pengunjung dari luar negara akan menghadiri SAS tahun ini. Jika tahun lepas kita mendapat penyertaan lima negara, tahun ini kita menasakkan sekurang-kurangnya tujuh negara yang akan mengambil bahagian," katanya kepada BH, baru-baru ini.

Beliau berkata, penganjuran yang memasuki edisi ketiga itu bertujuan menghubungkan pemain industri, sekali gus menjadi pemangkin untuk mengembangkan lagi sektor aeroangkasa dalam negara.

"SAS 2023 boleh menjadi platform bagi pemain industri aeroangkasa dan syarikat perusahaan kecil dan sederhana tempatan untuk mempamerkan produk serta perkhidmatan terkini dan memberikan peluang kepada mereka untuk menarik pelabur yang berpotensi bekerjasama.

"Ia juga boleh menjadi medan perjumpaan syarikat gergasi antarabangsa untuk memilih Selangor sebagai destinasi pelaburan mereka di Asia Pasifik," katanya.



Penganjuran SAS tahun lalu mendapat sambutan menggalakkan pengunjung dengan pelbagai acara ditampilkan.

Pemangkin pertumbuhan ekonomi negara

Katanya, kerajaan negeri sebelum ini mengenal pasti industri aeroangkasa adalah pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara dan sektor tumpuannya adalah menyeluruh termasuk syarikat perusahaan kecil dan sederhana.

Katanya, terdapat lima skop aktiviti dalam industri itu yang dikenal pasti sebagai pemacu utama industri aeroangkasa di Selangor, iaitu Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (MRO); Pembuatan (Manufacturing); Sistem Integrasi; Kejuruteraan dan Rekabentuk serta; Pendidikan dan Latihan.

"Kerajaan negeri baru-baru ini juga mengumumkan rancangan untuk melengkapkan pembangunan aeroangkasa dan penerbangan melalui Rancangan Selangor Pertama (Rancangan Selangor 1) termasuk pembinaan Kawasan Perindustrian Aeroangkasa yang dikenali sebagai Selangor International Aeropark (SAP) yang bakal menghimpunkan semua pemain aeroangkasa di kawasan berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA Terminal 1 dan 2), Sepang," katanya.

Hasan Azhari berkata, pameran yang akan diadakan di Skypark Regional Aviation Centre (RAC) Bukit Jelutong, Shah Alam bermula 7 hingga 9 September ini akan turut menampilkan beberapa kelainan dari segi pengisian program, aktiviti serta jenis pesawat statik yang akan dipamerkan.

Katanya, pada edisi kali ini, SAS berkemungkinan akan mengadakan sesi temuduga dengan syarikat penerbangan, pemain MRO dan pemain industri pada Edu Open Day.

"Istimewa tahun ini, kami bakal menyediakan Drone Cage yang mana kami akan mengadakan Drone Race serta Drone Soccer. Drone Soccer ialah sukan udara yang baharu diperkenalkan membabitkan dua pasukan terdiri daripada lima pemain dengan setiap pasukan perlu menjaringkan jumlah gol tertinggi, manakala bagi Drone Race memerlukan peserta mengawal dron yang dilengkapi dengan kamera dan dron yang terpanjang akan dikira sebagai pemenang.

"Selain itu, kita juga akan mempamerkan beberapa jenis jet peribadi dan penerbangan am (pesawat ringan dan helikopter, pesawat sukan dan rekreasi) dirantau ini serta segmen dron," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sesi bersama pemain industri (networking session) juga akan diadakan seperti tahun lalu, yang mana ia akan memberi peluang kepada pemain dan wakil antarabangsa dan tempatan.

Katanya, sesi bersama industri itu bertujuan untuk mendedahkan pelawat mengenai bidang kepakaran mereka melalui perbincangan teknikal dan industri yang dirancang sepanjang acara berjalan.

"Memandangkan tahun lepas aktiviti joyride dengan menaiki helikopter mendapat sambutan yang amat menggalakkan, kami berhasrat mengadakannya lagi pada tahun ini," katanya.



Penganjuran SAS tahun lalu mendapat sambutan menggalakkan pengunjung dengan pelbagai acara ditampilkan.

Pamer inovasi terkini

Mengulas mengenai tema SAS 2023, iaitu 'The One & Only Business & General Aviation Show in the Region', Hasan Azhari memberitahu, pameran itu adalah satu-satunya acara yang menampilkan peserta pameran tempatan dan antarabangsa yang mempamerkan inovasi terkini dengan memfokuskan kepada sektor penerbangan perniagaan (jet peribadi) dan penerbangan am (pesawat ringan dan helikopter, pesawat sukan dan rekreasi) dirantau ini serta segmen dron.

Katanya, SAS berbeza dengan LIMA Langkawi (Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi) yang hanya berkaitan dengan bidang pertahanan udara dan laut.

"Jadi, bagi mereka yang berminat menghadiri SAS 2023, sama ada untuk mempelajari lebih lanjut berkenaan sektor aeroangkasa di Selangor atau berjumpa syarikat pempamer, sila daftar terlebih dahulu melalui laman web rasmi di <https://selangoraviationshow.com/> dan pilih hari dan waktu lawatan anda," katanya.